

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SELANGOR/KL)

TARIKH: 7 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 29



Tindakan pemandu lori membuang sampah ke Sungai Klang yang berjaya dirakam penduduk baru-baru ini.

Selamba buang sampah dalam Sungai Klang

PETALING JAYA - Perbuatan pemandu lori yang membuang sampah ke dalam Sungai Klang berhampiran Taman Medan di sini berjaya dirakam penduduk baru-baru ini.

Lori yang membawa sampah domestik itu dipercayai masuk ke kawasan tebing sungai itu menerusi satu pintu dari kawasan berhampiran.

Difahamkan, terdapat pihak yang menjaga kawasan terbabit dan hanya membenarkan lori tertentu masuk ke kawasan itu untuk membuang sampah.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, kegiatan pembuangan

sampah di tepi Sungai Klang berlarutan sejak lima tahun lalu.

Menurutnya, perbuatan itu berhenti seketika sebelum ia berulang apabila penduduk menyedari terdapat beberapa lori keluar masuk ke kawasan tebing sungai sejak beberapa hari lalu.

"Mula-mula hanya lima lori yang masuk ke kawasan itu membuang sampah.

"Ia makin menjadi-jadi apabila lebih 20 lori dilihat membuang sampah terus ke dalam sungai. Mungkin mereka ambil peluang buang pada hari cuti umum kerana menyangka tiada pihak berkuasa yang bekerja," katanya.